

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 13, 2019 3:53 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mini Business Accelerator@R2G (MBA@R2G) Komersial Produk Inovasi



13 MAC 2019 / 06 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: CEDI

MINI BUSINESS ACCELERATOR@R2G (MBA@R2G) KOMERSIAL PRODUK INOVASI



UUM ONLINE: Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) telah menyertai Program Mini Business Accelerator@R2G (MBA@R2G) sempena Program MTDC Road2Growth 2019 Northern Region yang berlangsung di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Timbalan Pengarah CEDI, Dr Jauriyah Shamsuddin, berkata, program anjuran Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) itu bertujuan memberi peluang kepada penyelidik di institusi pengajian tinggi (IPT), syarikat *start-up* dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mempunyai produk inovasi dan berpotensi untuk dikomersialkan.

“CEDI menghantar seramai 41 pelajar ke program ini untuk memberi peluang kepada mereka mengikuti program pembangunan keusahawanan di dalam atau luar kampus serta menambah pengetahuan berkaitan agensi yang berperanan dalam pembangunan keusahawanan di Malaysia,” ujarnya.

Manakala peserta, pelajar Sarjana Muda Sains (Teknologi Maklumat), Nurshahirah Deana Ahmad Zaidi berkata, program ini telah menarik minat mereka untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai program MTDC.

“Program yang sangat baik dan mengukuhkan lagi komunikasi apabila berhadapan dengan pihak luar, selain dapat menambahkan ilmu apabila mereka perlu berfikir secara kritikal sebelum membuat sesuatu keputusan,” kongsinya.

Hadir sama, Prof. Madya. Dr. Shahrul Azmi Mohd Yusof dan para pegawai CEDI.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.